

## RESEARCH ARTICLE

# ISTIADAT PERTABALAN DIRAJA SEBAGAI MEKANISME KE ARAH PENGUKUHAN KEDAULATAN INSTITUSI DIRAJA MELAYU

## (The Royal Coronation Ceremony as a Mechanism Towards Strengthening the Sovereignty of Malay Royal Institutions)

Hayati Adnan<sup>1\*</sup>, Awang Azman Awang Pawi<sup>1</sup>, Mohamad Hilmi Mat Said<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Jabatan Sosiobudaya, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

<sup>2</sup>Center for Human Sciences, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah, Lebuhr Persiaran Tun Khalil Yaakob, 26300 Pahang, Malaysia

**ABSTRACT** - *The general public deemed the royal institution is no longer relevant to the political and social situation of today. As a result, they also consider that any form of royal ceremony is a burden to the people. Therefore, a study was conducted to examine the royal coronation ceremony of the state of Pahang by focusing on the coronation ceremony of the fifth Sultan of Pahang, HRH Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustain Billah Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Muadzam Shah. The qualitative method is used by analysing the detailing official documents from the Jumaah Pangkuan Negeri office as well as Malaysia Broadcaster (RTM) documentaries. Research is done on each ceremonial procedures and then analyze the findings to prove that this royal coronation ceremony is not only practiced as a ceremony that should be inherited, but also acts as a mechanism towards creating a sovereign ruler. It can be concluded that the coronation ceremony is a planned effort to maintain the heir to the throne and able to overcome the radical conflict in the institution. The process of appointing a king successor that complies with the Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang and the election by shura' through Jumaah Pangkuan Negeri gives a legitimate power to the ruling king. When all the procedures are carried out in accordance with the law and customary practice, the process of appointing a king is valid. Furthermore, the findings of this study are not only important to the royal institution, but also beneficial to the state government which is the executive administer of Pahang.*

**ABSTRAK** - Masyarakat umum beranggapan bahawa institusi diraja merupakan sistem monarki yang hanya diamalkan dalam sistem sosial tradisi dan tidak lagi relevan dengan situasi politik dan sosial di zaman ini. Natijahnya, mereka turut menganggap bahawa apa-apa bentuk istiadat istana merupakan bebanan kepada rakyat. Satu kajian telah dijalankan bagi meneliti tatacara istiadat pertabalan diraja negeri Pahang dengan memfokus kepada Istiadat Pertabalan Sultan Pahang ke-5, KDYMM Sultan Haji Ahmad Shah Al-Mustain Billah Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Muadzam Shah. Kaedah kajian ini berbentuk kualitatif, iaitu menggunakan kaedah analisis kandungan dengan memperinci dokumen-dokumen rasmi yang tersimpan di pejabat Jumaah Pangkuan Negeri serta dokumentari Radio Televisyen Malaysia (RTM) dan koleksi FINAS. Penelitian dibuat terhadap tatacara istiadat seterusnya menganalisa dapatan bagi membuktikan bahawa istiadat pertabalan diraja ini tidak sekadar diamalkan sebagai satu istiadat yang harus diwarisi, malah berperanan menjadi mekanisme ke arah mengukuhkan kedaulatan institusi diraja Melayu. Kesimpulannya, istiadat pertabalan merupakan satu usaha mengekalkan waris takhta dalam kalangan waris ganti dan secara tidak langsung mampu mengatasi konflik dalam sesebuah pemerintahan. Proses pelantikan pengganti raja yang mematuhi Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang dan pemilihan secara syura melalui Jumaah Pangkuan Negeri memberikan satu legitimasi kuasa yang sah kepada raja pemerintah. Apabila kesemua prosedur dilaksanakan mengikut lunas undang-undang dan amalan adat, proses pelantikan seseorang raja bersifat telus dan absah serta tidak boleh dipersoalkan lagi. Secara tidak langsung, dapatan kajian ini bukan sahaja penting kepada institusi diraja, malah bermanfaat kepada kerajaan negeri yang merupakan pemerintah eksekutif di negeri Pahang.

### ARTICLE HISTORY

Received : 19<sup>th</sup> May 2024

Revised : 24<sup>th</sup> June 2024

Accepted : 02<sup>nd</sup> Oct. 2024

Published : 29<sup>th</sup> Nov. 2024

### KEYWORDS

Royal Institution  
The Royal Coronation Ceremony  
of the State of Pahang  
Sovereign  
Undang-undang Tubuh  
Kerajaan Pahang  
Jumaah Pangkuan Negeri

### KATA KUNCI

Institusi Diraja  
Istiadat Pertabalan Diraja Negeri  
Pahang  
Kedaulatan  
Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Pahang  
Jumaah Pangkuan Negeri

## PENDAHULUAN

Adat istiadat Diraja dalam sesebuah kesultanan melambangkan keagungan dan kehebatannya yang tersendiri. Sesebuah empayar kesultanan yang mempunyai sistem istiadat dan protokol yang kukuh menggambarkan kesungguhan golongan Diraja memelihara amalan warisan sejak lama. Majoriti institusi diraja di dunia mengamalkan istiadat pertabalan cara tersendiri. Tinjauan literatur mendapati, istiadat pertabalan diraja bukan sahaja sebagai aturcara, tetapi mempunyai signifikan lebih meluas.

## SOROTAN LITERATUR

Terdapat kajian awal dilakukan oleh sarjana kolonial tentang istiadat diraja Melayu. Bryson dan Belloch (1936) dalam *Record of the ceremonial followed at the death and funeral of Yang Di Pertuan Besar, Tuanku Muhammad G.C.M.G, K.C.V.O, ibni Al Marhum Yam Tuan Antah and at the proclamation of his son Tunku Abdul Rahman as his Successor*, pernah merekodkan upacara kemangkatan dan pengebumian yang Di Pertuan Besar, Tuanku Muhammad Ibnu Al-Marhum Yam Tuan Antah, Negeri Sembilan. Linehan (1926) dalam *Royal Modes of Address in Pahang* turut menulis catatan ringkas tentang panggilan dan gelaran diraja di negeri Pahang. Beliau menjelaskan panggilan khusus untuk Sultan Pahang iaitu 'Tuanku', manakala kaum kerabat lelaki dipanggil 'Tengku' dan gelaran lain seperti 'Che' Engku, Che' Wan dan 'Engku' digunakan bagi kerabat sultan.

Majoriti kajian kolonial ini menjurus kepada satu usaha mendokumenkan adat istiadat sebagai satu catatan bertulis. Seterusnya, terdapat penulisan semula Adat Raja-raja Melayu oleh Tardjan Hadidjaja (1964) yang lengkap dengan istiadat-istiadat diraja, asal-usul nama gelaran, dan undang-undang di zaman Kesultanan Melayu Melaka. Othman Yatim (2005), menampilkan perbincangan aspek filologi dalam naskhah Misa Melayu. Naskhah ini menghimpunkan adat istiadat Melayu bermula daripada upacara peminangan, perkahwinan, lenggang perut, bersalin, kemangkatan, menuruni batu nisan di makam diraja atau menurunkan tambak dan batu nisan sehingga upacara menziarah makam. Mardiana Nordin dan Arbaiyah Mohd Noor (2006) meneliti buku *Adat Istiadat Diraja Johor* pada akhir abad ke-19 berdasarkan naskah *Thamaratul Matlub fi Anuaril Qulub*. Kajian ini membandingkan naskah *Thamaratul Matlub* ini dengan *Buku Adat Istiadat Diraja Johor* yang ditulis oleh Tuan Syed Alwi bin Syed Syeikh Al Hadi yang disusun pada tahun 1959. Penelitian yang dibuat mendapati wujud persamaan antara Tuan Syed Alwi yang memetik penulisan daripada buku tersebut untuk dimasukkan ke dalam buku *Adat Istiadat Diraja Johor*.

Penelitian terhadap kajian yang menjurus kepada kedaulatan institusi beraja dikupas dalam beberapa penulisan yang mutakhir, antaranya *Bahasa Istana D'Raja Kelantan – Mercu Kegemilangan Budaya* hasil penulisan Nik Safiah Karim dan Rozita Che Rodi (2019). Buku ini memperincikan bahasa istana dalam institusi diraja negeri Kelantan meliputi penggunaan bahasa istana dan elemen-elemen istiadat yang lain. Terdapat juga penulisan oleh Mohd Izuan Abdul Rahman dan Mahani Musa (2020) dalam *Pengukuhan Kedaulatan Dinasti Temenggung Dalam Kesultanan Melayu Johor 1855-1895* yang mengkhusus tentang peranan adat istiadat diraja, alatan regalia dan istiadat pertabalan yang berupaya menjadi elemen pengukuhan institusi diraja Johor. Kajian ini membincangkan evolusi sistem beraja di negeri Johor yang menyaksikan survival pengekalan unsur daulat raja melalui unsur kudus dan suci yang berupaya memobilisasikan kesetiaan rakyat terhadap raja-raja negeri Johor. Selain itu, penulisan M. Rozan dan Awang Hasbol Haji Ahmad (2023) dalam *Kingship and Monarchy in Brunei Sultanate* juga membincangkan tentang perkembangan konsep kedaulatan institusi monarki di negara Brunei.

Perbincangan tentang isu kedaulatan berkait rapat dengan penelitian tentang budaya benda. Penulisan tentang budaya benda dalam institusi raja ditampilkan dalam kajian Awang Azman Awang Pawi (2013) bertajuk *Sumptuary Law dan Pembentukan Sejarah Melayu*. Penulisan ini membincangkan sumptuary law atau peraturan larangan dalam institusi diraja dan dipraktikkan dalam hubungan antara pemerintah dan yang diperintah. Secara jelasnya, penulisan ini membincangkan peranan budaya benda sebagai objek yang diperbuat dan digunakan oleh manusia yang disesuaikan dengan konteks budaya, kepercayaan, dan nilai kehidupan yang membentuk kelestarian sesebuah kelompok masyarakat dan bangsa itu sendiri. Aspek yang diguna pakai bagi membentuk peraturan dan undang-undang larangan ini adalah dengan menggunakan objek harian dalam kehidupan diraja untuk dijadikan simbol kedaulatan. Penulisan Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali dan Salinah Jaafar dalam *Simbol Kebesaran Daulat, Mahkota dan Keris dalam Hikayat Hang Tuah* (2013) turut memfokus kepada analisis simbol daulat, mahkota, dan keris yang dibincangkan dari perspektif legitimasi kuasa dan lambang keagungan seseorang raja memerintah.

## METODOLOGI KAJIAN

Penyelidikan istiadat pertabalan ini adalah berbentuk kualitatif. Menurut Dawson (2009) penyelidikan ini menerokai sikap, tingkah laku dan pengalaman seseorang. Justeru, penyelidik membahagikan sumber penyelidikan kepada dua bahagian, iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Penyelidik meneliti sumber primer melalui sesi temu bual yang dijalankan dengan beberapa informan yang dikenal pasti mempunyai latar belakang, pengetahuan dan kepakaran tentang adat istiadat diraja.

Seterusnya, analisis kajian dokumen dijalankan untuk meneliti sumber sekunder yang terdapat di pelbagai institusi seperti perpustakaan, arkib, dan muzium. Tinjauan literatur ke atas pelbagai tesis dan kajian ilmiah di Perpustakaan

Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya; Perpustakaan Utama Universiti Malaya, Perpustakaan Negara Malaysia, Arkib Negara Malaysia, dan Perpustakaan Perbadanan Muzium Negeri Pahang.

### ***Tatacara Istiadat Pertabalan Sultan Pahang***

Sebagaimana amalan institusi diraja negara ini, istiadat pertabalan bermula daripada Istiadat Pemasyhuran yang dilaksanakan semasa kemangkatan sultan sebelumnya, iaitu DYMM Al-Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah Ibni Al-Marhum Al-Mu'tassim Billah Sultan Abdullah pada tarikh 7 Mei 1974 (Jumaah Pangkuan Negeri, 1975). Semasa hari kemangkatan, KDYTM Tengku Mahkota Pahang pada ketika itu, KDYTM Tengku Ahmad Shah telah mengisytiharkan kemangkatan DYMM Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah. Baginda seterusnya telah dimasyhurkan sebagai Raja Pemerintah menggantikan DYMM Sultan Abu Bakar. Istiadat Pemasyhuran ini mengikut istiadat perlulah dilaksanakan sebelum jenazah diusung keluar dari Balairung Seri untuk dimakamkan di Makam Diraja (Ops Rampai, 2020).

Pada 5 hingga 9 Mei 1975, Istiadat Pertabalan Sultan Pahang Kelima diadakan di Istana Abu Bakar, Pekan, Pahang. Secara kelaziman, Istiadat Meletak Kerja merupakan istiadat terawal diadakan pada 5 Mei 1975 disempurnakan oleh YAM Tengku Arif Bendahara selaku Yang Dipertua Adat Istiadat Negeri Pahang (Jumaah Pangkuan Negeri, 1975). Bendera Istiadat Meletak Kerja berwarna kuning dengan lambang negeri Pahang telah dinaikkan dan tembakan meriam sebanyak enam belas das dilepaskan. Bendera istiadat ini kekal di tiang sehingga Istiadat Menutup Kerja (Tengku Asmawi, 2020). Seterusnya, pada 6 Mei 1975 telah berlangsung Istiadat Penganugerahan Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati Negeri Perak, D.K. Perak yang telah disempurnakan oleh DYMM Paduka Seri Sultan Perak Sultan Idris Iskandar Al-Mutawakkil Alallahi Shah ibni Al-Marhum Sultan Iskandar Shah kepada KDYMM Sultan Haji Ahmad Shah di Balairung Seri, Istana Abu Bakar, Pekan (Ayop Hashim, 2019).

Seterusnya Baginda berdua berangkat menziarahi Makam Al-Marhum Paduka Ayahanda DYMM Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah (Kad Jemputan Istiadat, 1975). Sebagai tanda memperingati hari kemangkatan DYMM Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah, maka pada setiap 7 Mei telah diisytiharkan sebagai Hari Hol, iaitu hari kelepasan am bagi seluruh negeri Pahang. Pada sebelah malamnya, baginda berdua berangkat ke Majlis Tahlil dan Doa Selamat yang diketuai oleh Sahibul Fadhilah Mufti Pahang (Jabatan Ugama Islam Pahang, 1975). Berikutnya, telah berlangsung Istiadat Penerimaan Darjah Kebesaran Darjah Utama Seri Mahkota Negara (D.M.N.) di Balairung Seri, Istana Abu Bakar, Pekan. Darjah kebesaran ini telah dipersembahkan oleh YAB Tun Haji Abdul Razak bin Dato' Hussein, Perdana Menteri Malaysia mewakili KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agung pada ketika itu, Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badlishah (Cenderamata Pertabalan KDYMM Sultan Pahang, 1975).

Tanggal 08hb Mei 1975, pada jam 8.00 pagi, Istiadat Bersiram telah dilangsungkan (Kad Jemputan Istiadat, 1975). Bersempena dengan istiadat ini, satu binaan tujuh tingkat berbumbung lima dikenali sebagai Pancapersada telah dibina di perkarangan Istana Abu Bakar, Pekan, Pahang. Memulakan istiadat, satu das tembakan meriam dilepaskan. Barisan pawai dan pejabat mengambil tempat masing-masing di Pancapersada manakala kerabat diraja, polis, dan tentera seramai hampir seratus orang bersedia untuk menarik kereta yang dinaiki baginda berdua dari Anjung Istana Abu Bakar ke Pancapersada (Jumaah Pangkuan Negeri, 1975).

Penelitian terhadap tatacara Istiadat Bersiram mendapati, para bentara dan pawai, masing-masing mengambil tempat duduk di setiap tingkat Pancapersada dengan alatan masing-masing. Semasa istiadat bersiram, pejabat-pejabat sedia ada menghulurkan bati berisi air pelbagai jenis untuk digunakan oleh empat orang kerabat wanita menyiram baginda berdua dengan kain tapisan yang dipegang di bahagian ulu. Sebelum mengakhiri istiadat, upacara melangkaui seutas rantai emas dijalankan. Sepanjang Istiadat Bersiram dijalankan, tirai dewangga, iaitu kain tirai yang dipasang pada penjuru Pancapersada ditutup untuk melindungi baginda berdua ketika menukar persalinan. Selesai bersiram, baginda berdua kemudiannya menukar persalinan songket putih dan sarung songket kuning (Jumaah Pangkuan Negeri, 1975).

Istiadat tersebut diakhiri dengan bacaan doa oleh Sahibul Fadhilah Mufti Negeri Pahang beserta tembakan meriam enam belas das. Berikutnya, baginda berdua berangkat ke Perkarangan Istana Abu Bakar, Pekan untuk menyempurnakan upacara Perbarisan Kawalan Kehormatan oleh Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja sebelum berangkat masuk ke Balairung Seri untuk Istiadat Pertabalan. Pergerakan keberangkatan KDYMM Sultan Pahang dan KDYMM Tengku Ampuan Pahang ke Balairung Seri didahului oleh Sanggamara diikuti pawai memegang alat-alat kebesaran keberangkatan raja (RTM, 1975). Sebaik sahaja baginda berdua bersemayam di atas singgahsana, lagu Negeri Pahang "Allah Selamatkan Sultan Kami" dimainkan. Meneruskan atur cara berikutnya, YAM Tengku Arif Bendahara Pahang, merangkap Yang Dipertua Adat Istiadat ditimbal oleh YAM Tengku Arif Temenggung Pahang dan YB Orang Kaya Indera Maharaja Perba Jelai membaca warkah pertabalan KDYMM Sultan Pahang.

Majlis diteruskan dengan Istiadat Memahkotakan baginda berdua sebagai Sultan Pahang dan Tengku Ampuan Pahang. Untuk itu, dulang berisi mahkota yang dipasang pada sehelai tanjak "helang menyongsong angin" dibawa masuk ke Balairung Seri oleh YAM Tengku Besar Pahang ditimbal oleh YM Orang Kaya Indera Pahlawan Pahang dan YH Datuk Setia Lela Pahang. Istiadat Memahkotakan KDYMM Sultan Pahang dijalankan oleh YAM Tengku Panglima Perang (Redzuan, 1999). Selesai istiadat memahkotakan, YAM Tengku Arif Bendahara berseru "Daulat Tuanku" sebanyak tiga kali dan diikuti dengan laungan yang sama oleh seluruh tetamu. Seterusnya, YM Tengku Hajjah Wok Zaharah Ibni Al-Marhum Al-Muktassim Billah Sultan Abdullah pula menghadap sembah untuk meneruskan majlis dengan istiadat memahkotakan KDYMM Tengku Ampuan Pahang (Jumaah Pangkuan Negeri, 1975). Untuk itu, YM Tengku Ainul Jamil

Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Riayatuddin Al-Muadzam Shah ditimbali oleh YAM Tengku Puan Muda dan YBhg Inche' Puan Kechik masuk membawa dulang berisi mahkota kebesaran tubuh KDYMM Tengku Ampuan Pahang.

Bagi menzahirkan taat setia kepada KDYMM Sultan Pahang, majlis diteruskan dengan persembahan ucapan daripada kerabat-kerabat, orang besar-besar, rakyat jelata, dan pegawai-pegawai kerajaan negeri Pahang (Jumaah Pangkuan Negeri, 1975). Oleh itu, YAM Tengku Arif Bendahara Pahang ditimbali oleh YAM Tengku Arif Temenggung dan YB Orang Kaya Indera Maharaja Perba Jelai mempersembahkan "Ucapan Taat Setia" kepada sultan yang baharu ditabalkan. Persembahan ucapan berikutnya pula, merupakan ikrar taat setia daripada pihak rakyat jelata dan penjawat awam negeri yang diwakili oleh YAB Menteri Besar Pahang. Beliau ditimbali oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang dan seorang wakil rakyat bagi persembahan ucapan (Cenderamata Istiadat Pertabalan Sultan Pahang Kelima, 1975). Sebagai kemuncak atur cara, KDYMM Sultan Pahang menyampaikan titah baginda yang pertama selaku Sultan Pahang yang baharu ditabalkan. Sebagai mengakhiri istiadat, Sahibul Fadhilah Mufti Negeri Pahang memimpin bacaan doa. Istiadat diteruskan pada jam tiga petang hari yang sama dengan Istiadat Santap Nasi Adap-adapan (Kad Jemputan Istiadat, 1975). Memulakan istiadat, jejawat mengambil tempat duduk di kiri dan di kanan penterana bersama peralatan istiadat. Baginda berdua bersemayam di atas penterana dan Istiadat Santap Nasi Adap-adapan dimulakan oleh YM Tengku Wok Zaharah Ibni Al Marhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah. Seterusnya, DYMM Tengku Ampuan Besar Pahang, Raja Fatimah Ibni Al-Marhum Sultan Iskandar Shah iaitu, bonda kepada baginda sultan berangkat menyempurnakan Istiadat Meletakkan Pancabicara ke ulu baginda berdua (RTM, 1975). Istiadat ini diakhiri dengan bacaan doa oleh Sahibul Fadhilah Mufti Negeri Pahang dan juga tembakan meriam sebanyak enam belas das.

Majlis diteruskan pada jam lapan malam dengan Majlis Jamuan Negeri di Perkarangan Istana Abu Bakar. Seterusnya, acara Jamuan Teh dijalankan pada hari terakhir istiadat berlangsung, iaitu pada 9 Mei 1975 (Kad Jemputan Istiadat, 1975). Setelah acara tersebut, Istiadat Menutup Kerja dijalankan dengan acara menurunkan bendera meletak kerja menandakan berakhirnya istiadat. Ketertiban istiadat masyarakat Melayu jelas dilihat apabila sesuatu istiadat yang dimulakan dengan Istiadat Meletak Kerja diakhiri dengan Istiadat Menutup Kerja pada hari terakhir istiadat berlangsung. Tatacara Istiadat Pertabalan Sultan Pahang Kelima menggambarkan satu siri istiadat berlangsung selama lima hari di Istana Abu Bakar, Pekan, Pahang. Istiadat yang diraikan dengan penuh gilang-gemilang ini bukan sahaja menggambarkan kewibawaan raja pemerintah, malah mengangkat kedaulatan Baginda sebagai raja yang sah disisi undang-undang dan adat.

#### ***Istiadat Pertabalan Diraja Sebagai Mekanisme Ke Arah Pengukuhan Kedaulatan Institusi Diraja Melayu***

Istiadat pertabalan tidak sekadar suatu upacara gilang-gemilang yang dicipta untuk mengabsahkan perlantikan seseorang raja, namun lebih daripada itu, istiadat ini mempunyai kaitan yang sangat rapat dengan persoalan yang paling asas dalam sesebuah pemerintahan, iaitu mengangkat kedaulatan raja memerintah.

#### ***Mengekalkan Waris Takhta dalam Kalangan Anak Gahara atau Waris yang Dilantik***

Institusi raja-raja Melayu mementingkan aspek pemilihan waris ganti sebagai penerus legasi pemerintahan. Putera kelahiran permaisuri merupakan anak gahara yang diberi keutamaan untuk menaiki takhta (Ismail, 2009). Oleh itu, kaedah pelantikan pengganti raja mengikut pertalian nasab terutamanya waris paling tua, diyakini menyediakan institusi raja dengan waris yang telah dididik sejak awal lagi untuk menjadi pewaris takhta (Suzana, 2007). Penelitian terhadap proses pelantikan pengganti raja di negeri Pahang menunjukkan pelbagai sisi kaedah pengganti raja, iaitu melalui perang saudara, lantikan waris ganti, lantikan dalam kalangan keluarga diraja, dan pelantikan melalui sistem adat dan undang-undang bertulis. Untuk tujuan penyelidikan, kronologi yang berlaku dalam Kesultanan Pahang Moden dianalisis bagi meneliti kaedah penggantian raja yang telah berlaku.

Walaupun Bendahara Tun Ali telah menetapkan pewaris takhta adalah putera sulung baginda, Tun Mutahir, namun kemangkatan baginda pada 1863 telah mengakibatkan berlakunya pertelingkahan dalam keluarga diraja. Titah baginda agar hasil di Endau dan Kuantan diserahkan kepada Tun Ahmad telah diingkari oleh Tun Mutahir sehingga menyebabkan pergaduhan yang mencetuskan perang saudara yang berlarutan selama enam tahun. Tun Ahmad memenangi perang saudara dan menjadi pemerintah Pahang dengan memakai gelaran Sultan Ahmad Al-Muadzam Shah. Semasa pemerintahannya, baginda telah melantik putera baginda YM Tengku Mahmud menjadi Pemangku Raja pada 22 Julai 1889 bagi membantu pemerintahan negeri. Mesyuarat Negeri pada 11 Oktober 1891 memutuskan untuk mengurniakan gelaran Tengku Besar kepada YM Tengku Mahmud (Halim, 2010). Pada zaman itu, gelaran Tengku Besar dikurniakan hanya kepada bakal Sultan. Setelah kemangkatan Sultan Ahmad Al-Muadzam Shah pada 9 Mei 1914, YM Tengku Mahmud menaiki takhta sebagai Sultan Pahang kedua dengan gelaran Sultan Mahmud Ibni Al-Marhum Sultan Ahmad Al-Muadzam Shah. Walaupun begitu, tradisi penggantian takhta kepada waris ganti ini tidak berlaku semasa kemangkatan Sultan Mahmud Ibni Al-Marhum Sultan Ahmad Al-Muadzam Shah pada 19 Jun 1917 kerana baginda memerintah selama tiga tahun sepuluh bulan sahaja dan tidak mempunyai zuriat (Cenderamata Istiadat Pertabalan Sultan Pahang Kelima, 1975). Walaupun demikian, sebelum jenazah dimakamkan, Orang Kaya Shahbandar merangkap ahli Majlis Mesyuarat Negeri Pahang, telah memasyhurkan lantikan YM Tengku Abdullah adinda Al-Marhum Sultan Mahmud, sebagai Sultan Pahang yang ketiga (Abdullah Zakaria, 2019).

Pada zaman pemerintahannya, DYMM Al-Muktassim Billah Sultan Abdulah mengambil inisiatif menetapkan undang-undang bahawa keturunan Sultan Pahang dijadikan pengganti raja. Hal ini dikemukakan kepada Residen British dan dipersetujui bahawa pengganti Sultan Pahang adalah putera sulung baginda. Pada 4 Jun 1930, upacara pelantikan YM Tengku Abu Bakar sebagai Tengku Mahkota Pahang telah dilangsungkan dengan penuh adat istiadat. Dengan pelantikan

tersebut, Pahang mula menetapkan bahawa putera sulung sultan sebagai Tengku Mahkota pengganti raja pemerintah (Ungku Nazaruddin, 1992). Pada 22 Jun 1932, Al Muktassim Billah Sultan Abdullah mangkat di Istana Pantai, Pekan. Sebelum jenazah baginda dimakamkan, YM Tengku Ariff Bendahara, telah mengisytiharkan pelantikan Tengku Mahkota Tengku Abu Bakar sebagai Sultan Pahang yang baharu. Tradisi ini diteruskan semasa pemerintahan Sultan Abu Bakar dan baginda telah memasyhurkan YM Tengku Ahmad sebagai Tengku Mahkota Pahang pada 28 Mei 1944. Seterusnya, pada 1 Februari 1948, baginda telah mengisytiharkan Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang yang antara lain kandungannya menyatakan dengan jelas berkenaan dengan waris ganti. Oleh hal yang demikian, baginda sekali lagi mengisytiharkan pelantikan YAM Tengku Ahmad Shah sebagai Tengku Mahkota Pahang pada 29 Mei 1949.

Penelitian kronologi penggantian takhta dalam Kesultanan Pahang Moden membuktikan wujud perancangan teliti dalam aspek penggantian raja pemerintah. Perbincangan pertabalan merangkumi peranan dan pelantikan Tengku Mahkota sebagai waris ganti. Walaupun pada peringkat awal, raja pemerintah tidak menamakan waris ganti, namun perkembangan dan pergolakan dalam institusi diraja menyebabkan gelaran ini mula diberi keutamaan. Pemerhatian daripada aspek sosiobudaya mendapati bahawa ciri penting fenomena stratifikasi sosial yang wujud sejak dahulu lagi ialah unsur pewarisan kedudukan sosial dalam masyarakat Melayu. Dengan kata lain, stratifikasi sosial ini berlanjutan dari generasi ke generasi semata-mata berasaskan kelahiran seseorang dalam sesuatu kedudukan sosial. Justeru, perencanaan melantik waris ganti dalam kalangan putera paling tua membuktikan betapa pentingnya institusi istana menjaga status quo mereka dan secara tidak langsung membentuk waris ganti yang telah dididik untuk mewarisi takhta pemerintahan negeri.

### ***Istiadat Pertabalan Sebagai Perencanaan Mengatasi Konflik***

Kronologi sejarah Kesultanan Pahang yang bermula dengan pertelingkahan antara dua bersaudara, iaitu Tun Mutahir dan Tun Ahmad telah mendorong satu usaha dilaksanakan oleh sultan-sultan berikutnya untuk memastikan bahawa konflik perebutan kuasa mampu ditangani melalui pelantikan seorang pengganti raja yang disahkan kedudukannya dari segi undang-undang dan adat istiadat. Kemangkatan Sultan Mahmud pada 19 Jun 1917 juga tiada pengganti memandangkan baginda tidak dikurniakan zuriat. Walaubagaimana pun, satu keputusan secara musyawarah telah diputuskan oleh Jumaah Pangkuan Negeri pada ketika itu untuk memasyhurkan YM Tengku Abdullah, adinda baginda sebagai pengganti raja (Buyung, 1972). Peristiwa ini membuktikan telah berlakunya penggantian takhta tanpa sebarang pertikaian mana-mana pihak. Bertitik-tolak dari situasi ini menyebabkan satu usaha terancang dilaksanakan bermula dari inisiatif DYMM Al Muktassim Billah Sultan Abdullah melantik putera tertua baginda YM Tengku Abu Bakar sebagai pengganti raja dengan gelaran Tengku Mahkota pada 4 Jun 1930. Sistem pelantikan pengganti raja melalui satu istiadat pelantikan yang khusus mengikut adat istiadat dan mematuhi undang-undang atau perlembagaan ini berupaya mengelakkan sebarang konflik dalaman terutamanya dalam kalangan kerabat terdekat raja pemerintah itu sendiri.

Istiadat pertabalan diraja turut berfungsi mengekalkan kuasa raja yang kekal sebagai ketua negeri walaupun pentadbiran kerajaan bertukar atas kapasiti parti pemerintah. Firdaus (2007) menyatakan pandangan beliau bahawa institusi beraja perlu dipertahankan kerana berupaya mengawal perubahan radikal politik. Hal ini selari dengan kenyataan Vernon (1997) yang menjelaskan bahawa sistem monarki membawa kestabilan dengan menggalakkan perubahan secara beransur-ansur dan mengelakkan berlakunya perubahan ekstrim dalam sesebuah pemerintahan. Justeru, situasi ini jelas membuktikan bahawa istiadat pertabalan diraja berupaya mengatasi konflik dalam sesebuah pemerintahan.

### ***Mengangkat Simbol Tradisi Perajaan Melalui Budaya Benda dan Budaya Bukan Benda***

Kedaulatan raja boleh dihubungkan dengan konsep dan peranan simbol dalam tradisi perajaan. Simbol ini wujud untuk memberikan taraf dan keistimewaan raja berbanding rakyat. Antara simbol tersebut ialah alat kebesaran, peralatan istiadat, bahasa istana, dan warna (Azhar, 2017). Budaya benda signifikan dalam institusi istana melalui penggunaan alatan kebesaran dan peralatan istiadat yang melambangkan kekuasaan dan kebesaran sultan (Pejabat KDYMM Sultan Terengganu, 2019). Alat-alat kebesaran Istana Pahang seperti mahkota, gandik, dan keris tubuh merupakan alat-alat kebesaran mula digunakan sejak zaman pemerintahan Sultan Abdullah Al-Mu'tassim Billah lagi (Redzuan, 1999). Manakala peralatan istiadat seperti tepak sirih, batil, pahar, perbaraan, dan terenang merupakan peralatan bukan alat kebesaran tetapi perlu ada bagi melengkapkan perjalanan sesuatu istiadat. Alat-alat kebesaran negeri yang diwarisi selama beberapa generasi ini biasanya diperbuat daripada emas, perak atau sebarang material lain bernilai tinggi.

Hasil pembuatan alat-alat kebesaran ini juga sangat bermutu dan merupakan puncak pencapaian tertinggi seseorang tukang dalam bidang masing-masing. Kesemua budaya material yang unik, unggul dan diwarisi sejak zaman tradisi lagi ini menjadi simbol kebesaran yang membezakan status di antara raja dan rakyat, sekaligus meningkatkan nilai wibawa seseorang raja (Awang Azman, 2013). Penelitian terhadap istiadat pertabalan juga mendapati istiadat ini merangkumi satu pelakuan adat yang lengkap dengan tatacara yang terperinci, penggunaan alat kebesaran dan peralatan istiadat yang khusus, pelakuan yang teratur, dan penggunaan bahasa istana yang tersusun. Gabungan tatacara ini merupakan budaya bukan benda (intangible culture) yang melambangkan satu bentuk upacara yang gemilang dan sangat terperinci sifatnya (Zainal, 2005). Dalam konteks ilmu, kehalusan dan ketelitian dalam pengendalian sesuatu atur cara istiadat ini terhasil daripada penaakulan nenek moyang yang menyusun setiap pelakuan istiadat tersebut. Oleh hal yang demikian, setiap istiadat pastinya memiliki nilai intrinsik tersendiri dan memberi makna kepada raja dan rakyat (Zainal, 2019).

### ***Istiadat Pertabalan Mengikut Undang-Undang Memartabatkan Kedaulatan Raja Memerintah***

Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang telah dikurnia dan diisytiharkan oleh DYMM Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al Muadzam Shah Ibni Al-Marhum Al-Muktassim Billah Sultan Abdullah pada 1 Febuari 1948 berikutan dengan Perjanjian Pahang 1948 yang ditandatangani oleh baginda bersama baginda King pada 21 Januari 1948. Berdasarkan kepada perjanjian ini, DYMM Sultan Abu Bakar telah mengurnia dan mengisytiharkan Bahagian Pertama Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang pada 1 Febuari 1948 dan seterusnya mengurnia dan mengisytiharkan Bahagian Kedua Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang pada 7 Julai 1952. Oleh itu, jelas bahawa Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang ini merupakan dokumen yang pertama meletakkan raja pemerintah Pahang sebagai Raja Berperlembagaan.

Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang, Bahagian 1 (Bab 1: Perkara 4) menyatakan takhta Kerajaan Pahang mesti berketurunan daripada putera tertua yang masih hidup dan diakui sah putera DYMM Sultan Haji Ahmad Shah Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar Ri'ayatuddin Al-Mu'adzam Shah (Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang pindaan 2013). Walaupun begitu, Undang-Undang Tubuh Kerajaan Pahang menonjolkan kewibawaan institusi beraja di negeri ini dengan mensyaratkan bahawa putera yang dilantik menjadi Raja Pemerintah itu hendaklah tiada cacat besar yang boleh menjatuhkan mutu atau kewibawaan seorang Raja Pemerintah. Dari segi pekertinya, seorang Raja Pemerintah disyaratkan juga untuk berakhlak mulia berasaskan kepada Hukum Syarak (Perkara 4, Bahagian I), iaitu undang-undang Islam atau Laws of the religion of Islam (Perkara 36, Bahagian I).

Perkara 7(1) menjelaskan apabila mangkat raja pemerintah atau jika sekiranya raja pemerintah berhenti daripada menjadi raja pemerintah dengan kerana berlama-lamaan meninggalkan negeri (Perkara 8 Bahagian 1) atau raja pemerintah turun takhta (Perkara 9 Bahagian 1), maka waris ganti, kecuali jika waris ganti tiada layak menjadi raja pemerintah dengan sebab yang disebutkan dalam Perkara 4, hendaklah diakui oleh Jumaah Pangkuan Diraja Negeri sebagai raja pemerintah, dan kemudian daripada itu hendaklah ditabalkan menurut adat istiadat Melayu negeri ini. Dalam hal ini, Perkara 9, iaitu "Raja Pemerintah turun dari takhta" memberikan situasi bahawa Raja Pemerintah boleh pada bila-bila masa, atas kehendak baginda sendiri dan dengan rela hati, turun daripada takhta serta melepaskan hak dan kuasa diraja baginda. Dalam keadaan ini, sekiranya baginda bersemayam di dalam negeri, maka baginda hendaklah menandatangani suatu surat perintah dan dicapkan dengan Cap Mohor Negeri dengan disaksikan oleh Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan. Sekiranya baginda tiada bersemayam di dalam negeri, surat perintah yang dimaksudkan hendaklah mempunyai Cap Mohor Negeri dan ditandatangani oleh Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan.

Berdasarkan kepada perincian dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang tersebut, proses pelantikan pengganti raja yang mematuhi Undang-undang Tubuh atau Perlembagaan Negeri memberi satu legitimasi kuasa yang sah kepada raja pemerintah (Shamrahayu, 2019). Pemilihan secara syura melalui Jumaah Pangkuan Diraja Negeri dan istiadat pertabalan yang rasmi juga merupakan satu prosedur penting dalam pelantikan raja yang 121aharu. Kesemua prosedur yang berjalan mengikut lunas undang-undang ini menjamin proses pelantikan seseorang raja yang tidak boleh dipersoalkan atau dicabar oleh mana-mana individu. Kesahan ini secara tidak langsung mengangkat kedaulatan raja di mata rakyat dan meningkatkan ketaatsetiaan mereka terhadap institusi istana.

### ***Mengukuhkan Taat Setia Pembesar dan Rakyat kepada Raja***

Istiadat Pertabalan Diraja memaparkan interaksi dua hala antara raja dan rakyat. Dalam istiadat ini, terdapat Istiadat Mengangkat Sumpah Taat Setia Pembesar yang diwakili oleh Orang Besar Negeri dan Istiadat Mengangkat Sumpah Taat Setia oleh Ahli Mesyuarat Kerajaan, penjawat awam dan rakyat yang diwakili oleh YAB Menteri Besar Pahang. Tatacara mengangkat sumpah ini membuktikan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi rakyat terhadap raja yang baharu ditabal. Pada masa yang sama, istiadat ini berupaya membina pengalaman kolektif memori pembesar dan rakyat terhadap legasi yang memerintah dan secara tidak langsung bertujuan memastikan mereka dapat menerima pentadbiran dan dasar berbeza tetapi dari legasi yang sama (Zainal Kling, 2019).

Sumpah taat setia daripada pembesar merupakan sesuatu yang penting kerana pembesar mempunyai pengaruh yang kuat dalam kalangan rakyat jelata khasnya di kawasan pentadbiran mereka. Pembesar adalah perantaraan di antara raja dan rakyat iaitu semua titah perintah sultan akan disampaikan kepada rakyat di mukim dan daerah masing-masing (Halim, 2010). Golongan pembesar ini ialah segolongan birokrasi yang menyokong kewibawaan sultan. Aruna (1993) menjelaskan bahawa secara tradisinya, dalam sistem sosial masyarakat Melayu, tingkat dibawah raja ialah Orang Besar Berempat, diikuti oleh Orang Besar Berlapan dan Orang Besar Enam Belas. Tradisi ini masih dipakai di negeri-negeri Melayu sehingga ke hari ini walaupun dari aspek kuasa pentadbiran telah jauh berbeza. Justeru, penelitian menunjukkan penzahiran kuasa seorang raja diimplementasikan dalam bentuk watakah pemasyhuran dan pelantikan yang dibaca oleh seorang wakil atau ahli Jumaah Pangkuan Negeri (Watakah Pelantikan KDYMM Sultan Pahang, 1975). Manakala penzahiran taat setia yang telah dizahirkan oleh wakil-wakil dari orang besar-besar dan rakyat adalah satu perakuan yang sangat mustahak bagi mengabsahkan kuasa pemerintah di samping mendapatkan sokongan daripada para pembesar.

### ***Konsep Pemerintah dan yang Diperintah***

Milner (1982) menjelaskan bahawa institusi sosial masyarakat Melayu memperlihatkan satu status sosial antara raja dengan pembesar dan antara raja dengan rakyat, namun terdapat beberapa peraturan dan larangan yang secara tidak langsung membentuk hegemoni kekuasaan antara raja terhadap rakyat. Raja dianggap penguasa yang memikul amanah

yang berat untuk mengatur kehidupan dan mengembangkan peradaban insan. Raja juga merupakan pelindung yang melindungi kesejahteraan rakyat dan kerajaan (Liaw Yock Fang, 1976).

Sulalatus Salatin memaparkan permulaan ikatan setia antara Sang Sapurba sebagai raja dengan Demang Lebar Daun sebagai rakyat dalam satu perjanjian sosial atau kontrak sosial atau wa'adat (A. Samad Ahmad, 2019). Raja perlu diterima oleh rakyat Melayu sebagai ketuanya dan raja menerima rakyat sebagai pengikutnya. Seterusnya saling bermuafakat membentuk sebuah kerajaan. Peristiwa ini mempunyai kaitan bagaimana wa'adat raja dan rakyat menjadi asas penerimaan rakyat mendaulatkan raja sebagai pemerintah. Sehingga ke hari ini, penerimaan rakyat terhadap raja merupakan satu tradisi dalam sistem sosial masyarakat Melayu. Begitu juga sebaliknya, raja menerima amanah sebagai pemerintah dan menyedari tanggungjawab yang telah diamanahkan kepada baginda. Hubungan dua hala ini membuktikan satu kaitan yang cukup jelas dalam wacana perbincangan di antara kedua belah pihak.

## KESIMPULAN

Istiadat pertabalan bukan sekadar satu tatacara memahkotakan raja sebagai pemerintah yang baharu tetapi sebenarnya mempunyai peranan yang jauh lebih besar daripada itu. Istiadat yang dilaksanakan dengan prosedur yang betul dan tatacara yang tersusun ini merupakan budaya nyata dan budaya tidak nyata yang terhasil daripada kearifan masyarakat terdahulu tentang asas yang mendasari sesebuah pemerintahan iaitu pelantikan raja pemerintah yang sah.

Kedaulatan seseorang raja pemerintah pula diterjemahkan dalam bentuk istiadat khusus dan penuh dengan peralatan budaya yang menonjolkan wibawa seseorang raja dan institusinya. Sudah pasti, gabungan semua elemen ini menjadi satu perencanaan yang baik dalam mendaulatkan raja sekaligus mengangkat keagungan pemerintahan sesebuah negeri.

## PENGHARGAAN

Kedua-dua penyelidik adalah Felo Penyelidik, Pusat Kajian Sejarah dan Tamadun Al-Sultan Abdullah (AL-ASAR), Perbadanan Muzium Negeri Pahang dan merakamkan penghargaan kepada AL-ASAR atas inisiatif penyelidikan ini.

## RUJUKAN

- Abdullah Zakaria Ghazali. (2019). Sejarah dan Peranan Kerabat Bergelar dan Orang Besar dalam Kesultanan Pahang, *Prosiding Kolokium Diraja: Daulat Tuanku*. Pahang: Perbadanan Muzium Negeri Pahang.
- Adat Istiadat Negeri Terengganu Darul Iman*. (2019). Terengganu: Pejabat KDYMM Sultan Terengganu
- Anthony Crothers Milner. (1982). *Kerajaan: Malay Political Culture on the Eve of Colonial Rule*. Arizona: The University of Arizona Press
- Aruna Gopinath. (1993). Sejarah Politik Pahang 1880-1935, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Samad Ahmad (Peny.) (2019). *Sulalatus Salatin – Sejarah Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Awang Azman Awang Pawi. (2013). Sumtuary Law dan Pembentukan Sejarah Melayu.makalah dibentangkan dlm *Seminar 400 Tahun Sulalatus Salatin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Mohd Jamil Al-Sufri. (1992). *Liku-liku Perjuangan Pencapaian Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam*, Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei
- Ayop bin Hashim. (2020). YDH Toh Amar Diraja Dato' Seri, Setiausaha Dewan Negara Perak merangkap Orang Besar Berlapan Perak
- Bahazelan bin Othman. (2020). Tok Muda, Orang Besar Enambelas Negeri Pahang merangkap Pegawai Istiadat Istana Pahang
- Bryson, H.P dan Bllloch, I.W. 1936. Record of the ceremonial followed at the death and funeral of Yang di-Pertuan Besar, Tuanku Muhammad, G.C.M.G., K.C.V.O. ibni al-Marhum Yam Tuan Antah, and at the proclamation of his son Tunku Abdu'l Rahman as his successor. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* V. 14(3).
- Buyung Adil. (1972). *Sejarah Pahang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cenderamata Istiadat Pertabalan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Ahmad Shah AlMustain Billah Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Riayatuddin Al-Muadzam Shah 5 hingga 9 Mei 1975(1975)*. Pahang: Pejabat KDYMM Sultan Pahang.
- Catherine Dawson (2009), *Introduction to Research Method – A Practical Guide for Anyone Taking a Research Projects*. United Kingdom: How To Book Ltd.
- Halim Ibrahim. (2010). *Raja dan Rakyat Berpisah Tiada – KDYMM Sultan Haji Ahad Shah Al- Mustain Billah Ibni Al-Marhum Sultan Abu Bakar Riayatuddin Al-Muadzam Shah*. Kuantan.
- Ismail Azman Omar. (2009). Perkahwinan dan Kekeluargaan Raja-raja Melayu dalam Sejarah Melayu. Shah Alam: Karisma Publication

- Jabatan Ugama Islam Pahang. (1975). *Kertas Kerja Istiadat Menziarah Makam Diraja Pada Hari Hol 7 Mei 1975* dalam J.U. Phg 130/74 dikeluarkan oleh pada 27 Januari 1975
- Jumaah Pangkuan Negeri Pahang. (1975). Cabutan Minit Mesyuarat pada 19 April 1975, jam 9:00 pagi di Wisma Sri Pahang, Kuantan.
- Jumaah Pangkuan Negeri Pahang. (1975). *Kertas Mesyuarat Istiadat Ziarah Makam Diraja Pada Hari Hol Memakamkan Al-Marhum Sultan Abu Bakar* pada 7 Mei 1975 dalam Bil 8/75 dikeluarkan oleh Pahang Bil (3) dlm JPN 1/75.
- Kertas Mesyuarat Istiadat Ziarah Makam Diraja pada hari Hol Memakamkan Al-Marhum Sultan Abu Bakar pada 7 Mei 1975 dalam Bil 8/75 dikeluarkan oleh Jumaah Pangkuan Negeri Pahang Bil (3) dalam JPN 1/75).
- Liaw Yoke Fang. (1978). *Sejarah Kesusasteraan Melayu Klasik*. Jakarta: Yayasan Pustaka Obor.
- Linehan W. (1936). History of Pahang. Republished by *The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*. Kuala Lumpur: MBRAS.
- Md Rozan Dato'Haji Md Yunos & Awang Asbol bin Haji Mail (2023) Kingship and Monarchy in the Brunei Darussalam dalam *Proceedings of the 1<sup>st</sup> International Conference on Toward Kalimantan as the Capital of the Republic of Indonesia* on 14<sup>th</sup> June 2023 in Hotel Pantura Sambas.
- Mardiana Nordin dan Arbaiyah Mohd Noor. (2006). *Adat Istiadat Diraja Johor pada akhir abad ke-19 berdasarkan naskah Thamaratul Matlub Fi Anuaril Qulub*.
- Milner A. C. (1982). *Kerajaan: Malay Political Culture on the Eve of the Colonial Rule*. Arizona: The University of Arizona Press.
- Muhammad Izuan Abdul Rahman & Mahani Musa. (2020). Pengukenan Kedaulatan Dinasti Temenggung Dalam Kesultanan Melayu-Johor 1855-1895 dlm. *Sejarah: Journal of History Department University of Malaya*. No 29 (1) 2020.
- Mokhtar Daud, Mohd Ali Mohd & Abu Bakar Mohd Taib. (1971). *Peraturan Adat Istiadat Raja-raja Negeri Pahang*. Pejabat KDYMM Sultan Pahang.
- Nik Safiah Karim dan Rozita Che Rodi.(2019).*Bahasa Istana D'Raja Kelantan: Mercuri Kegemilangan Budaya*, Kota Bharu: Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Ops Rampai. (2020). *Carta Alir Kemangkatan KDYMM Sultan Pahang*, Rejimen Askar Melayu Diraja, Malaysia.
- Othman Yatim. (2005). Sejarah Kesultanan Perak: Unsur-unsur Kebudayaan dalam Misa Melayu, *Seminar Antarabangsa Kesultanan Melayu Nusantara: Sejarah dan Warisan*, 9 Mei 2005, Kuantan: Lembaga Muzium Negeri Pahang.
- Redzuan Tumin. (1999). Alat Kebesaran Diraja Pahang dlm *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Radio Televisyen Malaysia. (1975). Dokumentari Sempena Istiadat Pertabalan KDYMM Sultan Pahang dari koleksi FINAS Kuala Lumpur.
- Shamrahayu Abd Aziz. (2019). Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Pahang dlm *Prosiding Kolokium Diraja: Daulat Tuanku*. Pahang: Perbadanan Muzium Negeri Pahang
- Suzana Othman. (2007). *Perang Bendahara Pahang 1857-1863 (Pensejarahan Semula Menelusuri Peranan British)*. Shah Alam: Karisma Publication Sdn Bhd.
- Tardjan Hadidjaja. (1964). *Adat Raja-raja Melayu*, Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara.
- Tengku Haji Asmawi bin Tengku Hussein. (2020). YDHM Orang Kaya Indera Segara, Tan Sri (Orang Besar Berempat Pahang), merupakan bekas Dato Paduka Maharajalela Dato Setia Perkasa, Pejabat KDYMM Sultan Pahang.
- Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang (Pindaan 2013)*. (1975). Kerajaan Negeri Pahang
- Wan Wahid Wan Hassan. (2019). Adat Istiadat Diraja Pahang dlm *Prosiding Kolokium Diraja Pahang: Daulat Tuanku*. Pahang: Perbadanan Muzium Negeri Pahang.
- Zainal Abidin Borhan, Zainal Kling, Norazit Selat & Mohd Ramli Raman. (1996). *Adat Istiadat Melayu Melaka*. Kuala Lumpur: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia.
- Zainal Kling. (2005). Kerajaan dan Kesultanan Melayu Nusantara – Evolusi Institusi Raja, dalam *Prosiding Seminar Antarabangsa Kesultanan Melayu Nusantara, Sejarah & Warisan-LMNP & ATMA*
- Zainal Kling. (2019). Raja Sebagai Payung Penyatu Bangsa Melayu, dalam *Prosiding Kolokium Diraja: Daulat Tuanku*. Pahang: Perbadanan Muzium Negeri Pahang